

Headline	TH, Bank Rakyat serah zakat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	15 May 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	13	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	322 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,100
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,299



TH, Bank Rakyat serah zakat

Alor Setar: Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, semalam, berkenan menerima pemberian zakat perniagaan bagi tahun 2013 daripada Bank Rakyat dan Lembaga Tabung Haji (TH) berjumlah RM8.93 juta di Istana Anak Bukit di sini.

Zakat perniagaan Bank Rakyat berjumlah RM5.16 juta diserahkan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah.

Daripada jumlah itu, RM1.88 juta adalah untuk diserahkan kepada Jabatan Zakat Negeri Kedah, manakala RM3.29 juta lagi kepada Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan memabitkan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Agihan zakat perniagaan

Agihan itu sebahagian daripada zakat perniagaan Bank Rakyat yang diperuntukkan kepada Pusat Zakat Negeri di seluruh negara yang keseluruhannya berjumlah RM41 juta.

Zakat perniagaan Tabung Haji yang berjumlah RM3.77 juta pula diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ismee Ismail.

Semua zakat berkenaan adalah untuk diserahkan kepada Jabatan Zakat Negeri Kedah.

Jumlah keseluruhan zakat perniagaan TH untuk tahun kewangan 2013 yang diserahkan kepada seluruh negeri ialah RM46.29 juta berbanding RM41.21 juta pada tahun sebelumnya.



Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah menerima replika cek bernilai RM3,769,128.73 daripada Ismee Ismail (tengah) sambil diperhatikan Pengarah Tabung Haji Negeri Kedah, Ahmad Sohaimi Abd Rahim pada Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan oleh Tabung Haji 2013 kepada Jabatan Zakat Negeri Kedah di Istana Anak Bukit.
 (FOTO SHARUL HAFIZ ZAM/BH)